

# Sebutan Baku Bahasa Melayu



# Panduan Sebutan Baku

Sebutan perkataan Melayu yang betul (baku) ialah sebutan berdasarkan lafaz ejaan setiap perkataan. Sebutan baku ini digunakan dalam situasi rasmi, misalnya dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah, institut perguruan, atau di universiti, semasa berucap, semasa mempengerusikan majlis atau semasa berbahas dan berceramah.

# Panduan Sebutan Baku

Sebutan baku ini merangkumi sebutan : huruf vokal, huruf diftong, huruf konsonan, huruf gugus konsonan, perkataan asing (Inggeris, Arab, perkataan terbitan, dan perkataan yang sudah baku sebutan.

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

1. Huruf vokal dalam bahasa Melayu ada enam dan perlu disebut dengan betul menurut nilai bunyi individu, iaitu a, e, i, o, dan u.
2. Kesemua bunyi vokal perlu disebut menurut nilasi bunyi individu dalam semua kedudukannya dalam perkataan, sama ada di awal, di tengah, atau di akhir.

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

(a) Huruf a dilafazkan dengan bunyi [ a ] pada posisi manapun.

ada	[ a + da ]
beranda	[ be + ran + da ]
cakerawala	[ ca + ke + ra + wa + la ]
pancaindera	[ pan + ca + in + de + ra ]

Demikian juga sebutan [ a ] bagi perkataan pinjam-serap.

atom	[ a + tom ]
faktor	[ fak + tor ]

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

b) Huruf e dilafazkan dengan bunyi [ e ]

elak [ e + lak ]

sate [ sa+ te ]

tempe [ tem+ pe ]

kehel [ ke+ hel ]

c) Huruf e pepet pada perkataan pinjam-serap juga dilafazkan dengan bunyi [ ə ]

meter [ me + ter]

dividen [ di + vi + den]

sosialisme [ so+ sia + lis + me ]

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

d) Huruf i dilafazkan dengan bunyi [ i ]

itu	[ i+ tu]
pulih	[ pu + lih]
tempe	[ tem+ pe ]
kilang	[ ki + lang]

Huruf i pada perkataan pinjam-serap juga dilafazkan dengan bunyi [ i]

idea	[ i+ dea]
diftong	[ dif + tong]
anti	[ an+ ti]

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

e) Huruf o dilafazkan dengan bunyi [ o ]

otak [ o + tak ]

boleh [ bo + leh ]

tempe [ tem + pe ]

topeng [ to + peng ]

Huruf o pada perkataan yang diserapkan (bahasa Nusantara) juga dilafazkan dengan bunyi [ o ]

lakon [ la + kon ]

lelucon [ le + lu + con ]

pelopor [ pe + lo + por ]



# Panduan Sebutan Huruf Vokal

Huruf o pada perkataan yang dipinjam-serap ( Bahasa Eropah) juga dilafazkan dengan bunyi [ o ]

atom [ a+ tom]

polo [ po+ lo]

operator [ o+ pe+ ra + tor ]

gabenor [ ga + be + nor ]

autonomi [ au + to + no + mi ]

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

- f) Huruf u dilafazkan dengan bunyi [ u ]
- |           |                    |
|-----------|--------------------|
| ubi       | [ u+ bi]           |
| usik      | [ u + sik]         |
| tumpang   | [ tum+ pang]       |
| tengkujuh | [ teng+ ku + juh ] |

Huruf u pada perkataan yang diserap-pinjam daripada bahasa Inggeris) juga dilafazkan dengan bunyi [ u]

- |            |                            |
|------------|----------------------------|
| album      | [ al+ bum]                 |
| kurikulum  | [ ku + ri + ku + lum]      |
| maksimum   | [ mak + si + mum ]         |
| universiti | [ u + ni + ver + si + ti ] |

# Panduan Sebutan Huruf Vokal

f) Huruf u dilafazkan dengan bunyi [ u ]

ubi [ u+ bi]

usik [ u + sik]

tumpang [ tum+ pang]

tengkujuh [ teng+ ku + juh ]

Huruf u pada perkataan yang diserap-pinjam daripada bahasa Inggeris) juga dilafazkan dengan bunyi [ u]

album [ al+ bum]

kurikulum [ ku + ri + ku + lum]

maksimum [ mak + si + mum ]

universiti [ u + ni + ver + si + ti ]

# Panduan Sebutan Diftong

1. Terdapat tiga diftong dalam bahasa Melayu, iaitu ai, au, dan oi.
2. Diftong perlu dilafazkan dengan bunyi [ ai ], [ oi ], dan [ au ] pada kedudukan di awal, di tengah, atau diakhir perkataan.

a) Diftong ai dilafazkan dengan bunyi [ ai ]

hairan	[ hai + ran ]
gulai	[ gu + lai ]
aidilfitri	[ ai + dil + fit + ri ]

b) Huruf diftong oi dilafazkan dengan bunyi [ oi ]

sekoi	[ se + koi ]
kalo i	[ ka + loi ]
amboi	[ am + boi ]

# Panduan Sebutan Diftong

Huruf diftong oi pada perkataan yang dipinjam-serap juga dilafazkan dengan bunyi [ oi ]

koboi [ ko + boi ]

boikot [ boi + kot ]

c) Diftong au dilafazkan dengan bunyi [ au ]

aurat [ au + rat ]

kalau [ ka + lau ]

taubat [ tau + bat ]

b) Huruf diftong oi dilafazkan dengan bunyi [ oi ]

sekoi [ se + koi ]

kaloi [ ka + loi ]

amboi [ am + boi ]

# Panduan Sebutan Konsonan

Terdapat 26 huruf konsonan bahasa Melayu iaitu b [bi], c [si], d [di], f [ef], g [ji], h [hej/ejh], i [ai], j [je], k [ke], l [el], m [em], n [en], o [o], p [pi], q [kiu], r [ar], s [es], t [ti], u [yu], v [vi], w [dabliu], x [eks], y [wai], dan z [zek].

Semuanya perlu dilafazkan menurut nilai bunyi individu, pada kedudukan awal, di tengah dan di akhir perkataan, termasuklah perkataan yang dipinjam atau diserap.

# Panduan Sebutan Konsonan

- a) Perhatikan beberapa cara sebutan perkataan yang mengandung huruf konsonan.

sebut	[ se + but ]
cakap	[ ca + kap ]
maghrib	[ magh + rib ]
nyala	[ nya + la ]
isytihar	[ isy + ti + har ]
wawasan	[ wa + wa + san ]

# Panduan Sebutan Konsonan

- b) Perhatikan beberapa cara sebutan perkataan yang dipinjam dan diserap.

insentif

[in+ sen + tif]

organisma

[ or + ga + nis + ma]

instrumen

[in + stru + men]

teknokrat

[tek + no + krat]

profesional

[ pro + fe+ sio + nal]



# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

1. Gugusan konsonan merupakan gabungan dua konsonan atau lebih yang termasuk dalam satu suku kata yang sama. Jika gabungan konsonan termasuk dalam satu suku kata, maka gabungan itu bukan dinamai gugus konsonan. Gugusan konsonan boleh berlaku pada kedudukan di awal, di tengah, atau di akhir perkataan.

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

2. Gugusan konsonan di awal perkataan ialah dr, kl, pr, ps, dan st. Gugus konsonan di tengah perkataan ialah kr, dan gr. Gugusan konsonan di akhir perkataan ialah ns, ps, rd, rt, it, rm, dan if.

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

- a) Perhatikan contoh gugus konsonan di awal perkataan.

praktik

[ prak + tik ]

klinik

[ kli + nik ]

profesor

[ pro + fe + sor ]

skema

[ ske + ma ]

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

- b) Perhatikan contoh gugus konsonan di tengah perkataan.

kontraktor                    [ kon + trak + tor ]

transkripsi                    [ trans + krip + si ]

geografi                        [ geo + gra + fi ]

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

- c) Perhatikan contoh gugus konsonan di akhir perkataan.

suspens	[ sus + pen ]
biliard	[ bi + li + ard ]
eksport	[ eks + port ]
kloroform	[ klo + ro + form ]

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

1. Terdapat dua peraturan sebutan perkataan yang dipinjam dan diserap daripada bahasa Arab. Pertama, perkataan Arab yang sudah lama terserap ke dalam bahasa Melayu, dan kedua, istilah.

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

- a) Perkataan yang sudah terserap lama disebut menurut nilai bunyi konsonan bahasa Melayu.

hakim [ ha + kim ]

wirid [ wi + rid ]

sujud [ su + jud ]

fatwa [ fat + wa ]

zalim [ za + lim ]

# Panduan Sebutan Gugus Konsonan

- b) Istilah dalam bahasa Melayu yang berasal daripada bahasa Arab perlu dilafazkan menurut sebutan asal (Arab)

hadith [ ha + dith ]

solat [ so + lat ]

isti' mal [ is + ti' + mal ]

qunut [ qu + nut ]

quran [ qur + an ]



# Panduan Sebutan Perkataan Terbitan

1. Perkataan terbitan ialah perkataan yang menerima imbuhan pada kata dasar, sama ada awalan, apitan, atau akhiran, untuk mewujudkan perkataan yang betul berdasarkan keperihalan.
2. Penyebutan perkataan terbitan perlu menurut pola pemisah suku kata.

# Panduan Sebutan Perkataan Terbitan

- a) Perhatikan beberapa cara sebutan perkataan berawalan.

rehat → berehat [ be + re + hat ]

ajar → belajar [ be + la + jar ]

seberang → menyeberang [ me + nye +  
be + rang ]

tunggu → menunggu [ me + nung + gu ]

sangkut → tersangkut [ ter + sang + kut ]

# Panduan Sebutan Perkataan Terbitan

- b) Perhatikan beberapa cara sebutan perkataan berapitan.

air → mengairi [ meng + ai + ri ]

penuh → memenuhi [ me + me + nu + hi ]

layak → berkelayakan [ ber + ke + la + ya + kan ]

kumpul → pengumpulan [ pe + ngum + pu + lan ]

untuk → peruntukan [ per + un + tu + kan ]

# Panduan Sebutan Perkataan Terbitan

- c) Perhatikan beberapa cara sebutan perkataan berakhiran.

elak → elakkan [ e + lak + kan]

minum → minuman [ mi + nu + man]

kirim → kirimi [ ki + ri + mi]

# Panduan Sebutan Sudah Baku

1. Terdapat lebih kurang 100 perkataan yang memang dilafazkan dengan sebutan yang baku ( penuh), sama ada dalam ucapan atau dalam nyanyian.
  - a) Perhatikan beberapa perkataan yang diakhiri dengan sebutan [ a ] bukan [ ə ]

akta

dermasiswa

lawa

beca

data

boria

fana

caca

sastera

# Panduan Sebutan Sudah Baku

- a) Terdapat pula perkataan yang diakhiri dengan sebutan [ d ] tetapi mirip [ t ].

abad

[abat]

jihad

[jihat]

wirid

[wirit]

ahad

[ahat]

lahad

[lahat]

zamrud

[zamrut]

jasad

[jasat]

murid

[murit]